

## Pembangunan dan Pelaksanaan Soal Selidik Kemahiran Interaksi Pertuturan Bahasa Melayu (SSKIPBM) Berdasarkan Model Penilaian CIPP

*(Development and Implementation of Questionnaire on Spoken Interaction Skills in Malay (SSKIPBM) Based on CIPP Evaluation Model)*

Pairah Bte Satariman<sup>1</sup>, Dahlia Janan<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: pai\_57@Yahoo.com.sg

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: dahlia@fbk.upsi.edu.my

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Dahlia Janan

(dahlia@fbk.upsi.edu.my)

### KATA KUNCI:

Soal selidik  
Pembangunan  
Ciri-ciri  
Penilaian  
Keberkesanan

### KEYWORDS:

Questionnaire  
Development  
Features  
Assessment  
Implementation

### CITATION:

Pairah Satariman, & Dahlia Janan. (2025).  
Pembangunan dan Pelaksanaan Soal Selidik  
Kemahiran Interaksi Pertuturan Bahasa  
Melayu (SSKIPBM) Berdasarkan Model  
Penilaian CIPP. *Malaysian Journal of Social  
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(3),  
e003308.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i3.3308>

### ABSTRAK

Kertas ini bertujuan untuk mengemukakan proses pembangunan dan pelaksanaan Soal Selidik Kemahiran Interaksi Pertuturan Bahasa Melayu (SSKIPBM) berdasarkan Model Penilaian CIPP. Kajian ini hanya fokus pada tiga aspek sahaja, iaitu penilaian konteks, penilaian input dan penilaian proses. Metodologi yang digunakan adalah dengan melakukan analisis dokumen beberapa soal selidik yang dibangunkan oleh beberapa orang penyelidik. Prosedur yang dilakukan adalah dengan membandingkan setiap ciri atau elemen yang perlu ada dalam soal selidik bagi memastikan bahawa soal selidik yang dibangunkan bermutu. Seterusnya SSKIPBM dibangunkan dengan merujuk kepada ketiga-tiga penilaian konteks, input dan proses dalam Model Penilaian CIPP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa soal selidik guru yang dibangunkan berdasarkan Model Penilaian CIPP bagi aspek konteks mengandungi 8 item, aspek input mengandungi 15 item dan aspek proses mengandungi 10 item dan dua soalan terbuka. Manakala soal selidik bagi pelajar pula mengandungi enam item bagi aspek konteks, lapan item bagi aspek input dan 11 item bagi aspek proses serta dua soalan terbuka. Kesimpulannya, SSKIPBM mengemukakan soal selidik berkaitan kemahiran interaksi pertuturan dengan komprehensif. Implikasinya, SSKIPBM boleh digunakan oleh guru-guru atau penyelidik untuk mendapatkan maklumat berkaitan keberkesanan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang dilaksanakan.

### ABSTRACT

This paper aims to present the process of development and implementation of the Malay Language Spoken Interaction

Skills Questionnaire (SSKIBM) based on the CIPP Evaluation Model. This study only focuses on three aspects, namely context evaluation, input evaluation and process evaluation. The methodology used is to do a document analysis of several questionnaires developed by several researchers. The procedure done is to compare every feature or element that must be present in the questionnaire to ensure that the questionnaire developed is of high quality. Next, SSKIPBM was developed with reference to the three context, input and process evaluations in the CIPP Evaluation Model. The findings of the study show that the teacher questionnaire developed based on the CIPP Evaluation Model for the context aspect contains 8 items, the input aspect contains 15 items and the process aspect contains 10 items and two open questions. While the questionnaire for students contains 6 items for the context aspect, 8 items for the input aspect and 11 items for the process aspect as well as two open questions. In conclusion, SSKIPBM presented a comprehensive questionnaire related to spoken interaction skills. The implication is that SSKIPBM can be used by teachers or researchers to obtain information related to the effectiveness of the implementation of spoken interaction skills.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan tentang proses pembinaan dan pelaksanaan satu alat kajian yang lazim digunakan, iaitu soal selidik. Pengetahuan yang dikongsikan ini diharap boleh dijadikan panduan oleh para penyelidik yang berhasrat untuk membina soal selidik bagi kajian mereka untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan kemahiran interkasi pertuturan yang dilaksanakan.

## 1. Pengenalan

Soal selidik yang dibina ini adalah untuk digunakan dalam menjalankan kajian terhadap pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan atau pertuturan dua hala. Kemahiran interaksi pertuturan dalam kajian ini bermaksud kemahiran berkomunikasi secara bersemuka atau dua hala (MOE, 2010). Beberapa penyelidik seperti Long (1996) mengatakan bahawa untuk mempelajari sesuatu bahasa yang baharu, salah satu kaedah yang berkesan digunakan adalah dengan melibatkan diri dalam interaksi dua hala atau interaksi bersemuka. Contohnya semasa dalam perbualan seseorang akan mendengar dan memberikan respons secara lisan. Beberapa *social interactionist* seperti Gass et al. (2005) pula berpendapat bahawa konteks pembelajaran bahasa dan cara pelajar menggunakan persekitaran linguistik mereka (khususnya, interaksi perbualan) adalah perlu untuk membina pengetahuan mereka tentang bahasa itu. Hal ini diakui oleh Ellis (2009) yang berpendapat bahawa semasa pelajar terlibat dalam pertuturan, mereka sebenarnya sedang berusaha untuk meningkatkan kebolehan mereka bertutur secara lancar dan spontan dalam perkongsian pandangan mereka ketika mereka menggunakan bahasa.

Menurut Bruner (1999), seseorang pelajar tidak dapat menguasai pengetahuan bahasa dan kemahiran berbahasa seperti bertutur tanpa menggunakan bahasa tersebut. Beliau memberikan penjelasan bahawa sesuatu pengetahuan bahasa akan hanya dapat dibina

apabila pengetahuan tersebut digunakan dalam melakukan sesuatu tugas. Menurut Bruner (1999) lagi, pengajaran dan pembelajaran bahasa akan mendatangkan lebih banyak kesan jika pelajar diberi peluang untuk melibatkan diri dan melakukan sesuatu tugas yang bermakna. Oleh itu, tugas yang sesuai dan autentik harus diberikan untuk membantu pelajar membina kemahiran dan keyakinan mereka seterusnya melahirkan pelajar yang aktif dan cekap berbahasa.

Matlamat pengajaran bertutur adalah untuk membantu pelajar menguasai kelancaran dan ketepatan dalam pertuturan. Menurut Hedge (2000) kelancaran bererti penutur dapat bertutur dengan jelas, menggunakan intonasi yang sesuai dan berupaya menghubungkan idea yang dituturkan secara kohesif dan koheren. Hughes (2003) mengatakan bahawa kelancaran ialah kebolehan penutur untuk bertutur tentang sesuatu perkara tanpa tersekat-sekat. Menurut Leong dan Ahmadi (2017), kemahiran bertutur berupaya untuk mengintegrasikan kemahiran bahasa yang lain. Menurut mereka, melalui pertuturan, pelajar dapat membina dan memperkaya kosa kata dan kemahiran tatabahasa, akhirnya berupaya mengasah kemahiran menulis mereka. Brown (2001) pula mengatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan petanda bahawa seseorang itu berjaya dalam menguasai sesuatu bahasa. Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa penguasaan dalam kemahiran bertutur termasuk interaksi pertuturan secara dua hala penting dan berkait rapat dengan penguasaan kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran menulis.

Oleh sebab pentingnya kemahiran bertutur ini, beberapa orang penyelidik menjalankan kajian untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaan kemahiran ini dan mencari cara atau kaedah bagi penambahbaikan pelaksanaannya. Antaranya ialah Raja (2013) yang menjalankan kajian untuk meneroka pelbagai kaedah yang digunakan bagi mencapai kecekapan komunikasi lisan di institut bahasa Inggeris di Karachi, Pakistan. Seterusnya, Morales et al. (2017) menjalankan satu penyelidikan yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan kemahiran komunikasi lisan pelajar dari syif petang tahun ketiga, di Miguel de Cervantes Sekolah Menengah pada semester pertama tahun 2017. Alghail dan Mahfoodh (2019) pula menjalankan kajian menggunakan kaedah campuran untuk mengkaji kesukaran komunikasi lisan akademik yang dihadapi oleh pelajar pascasiswazah Yaman di universiti awam Malaysia dan bagaimana mereka mengatasi kesukaran ini. Kajian ini juga meneliti perkaitan antara kesukaran komunikasi lisan akademik pelajar dengan pengalaman pembelajaran terdahulu mereka.

### 1.1. Permasalahan kajian

Melalui kajian yang dijalankan oleh beberapa penyelidik terhadap pelaksanaan kemahiran bertutur secara dua hala, dapatlah dirumuskan bahawa kemahiran berkomunikasi menjadi antara matlamat utama seseorang itu menggunakan bahasa (Morales et al., 2017). Ketika dalam perbualan, pengguna tersebut berupaya meluahkan perasaan, menyatakan keinginannya, berbincang, bercerita, memberikan pesanan dan arahan, memberikan pandangan, pendapat dan berkongsi idea secara bersemuka (Efrizal, 2011; Gilakjani & Sabouri, 2016). Hampir 85 peratus bahasa yang digunakan oleh manusia adalah melalui pertuturan (Efrizal, 2011; Fries, 1985; Gilakjani & Sabouri, 2016). Mereka menyatakan bahawa manusia bertutur untuk berinteraksi atau bersosial dalam aktiviti harian dan di mana-mana sahaja. Selain itu, seseorang juga dapat menyatakan perasaannya, bercerita, membuat pesanan, memberikan arahan dan pendapat serta melibatkan diri dalam perbincangan (Ur, 2000). Tambahan lagi, terdapat hubungan yang

penting antara bahasa pertuturan dan pembelajaran dengan perkembangan kognitif seseorang (Mercer et al., 2004). Oleh itu, kemahiran bertutur merupakan kemahiran bahasa yang perlu dipelajari dan dikuasai. Oleh sebab itu, lebih banyak kajian terhadap pelaksanaan kemahiran ini perlulah dijalankan untuk mengenal pasti kelebihan, kekurangan, dan membaiki pelaksanaannya. Oleh yang demikian, alat kajian seperti soal selidik ini perlu dibangunkan untuk membantu para penyelidik menjalankan kajian bagi mengukur pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang dilaksanakan.

## 1.2. Objektif kajian

Kajian yang dijalankan ini berhasrat untuk mengemukakan langkah, proses pembangunan dan pelaksanaan Soal Selidik Kemahiran Interaksi Pertuturan Bahasa Melayu (SSKIBM) berdasarkan Model Penilaian CIPP. Kajian ini hanya fokus pada tiga aspek sahaja, iaitu penilaian konteks, penilaian input dan penilaian proses. Pada akhir kajian, langkah dan proses membangunkan serta melaksanakan soal selidik berdasarkan ketiga-tiga aspek penilaian dalam Model Penilaian CIPP dan juga SSKPIBM dikongsikan. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh para guru atau penyelidik yang berhasrat untuk mengukur keberkesanaan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang dijalankan.

## 2. Sorotan literatur

Soal selidik merupakan salah satu alat kajian yang lazim digunakan untuk mengumpulkan maklumat daripada responden dengan menanyakan beberapa soalan kepada mereka. Soalan-soalan direka bentuk untuk mengumpulkan data atau pendapat khusus mengenai topik tertentu (Lindemann, 2023). Menurut McLeod (2023), soal selidik ialah instrumen kajian yang mengandungi beberapa jenis soalan bagi tujuan mendapatkan maklumat daripada responden. Soal selidik boleh dianggap sebagai sejenis temu bual bertulis. Ia boleh dilakukan secara bersemuka, melalui telefon, secara atas talian atau pos.

Kelebihan menggunakan soal selidik ini disebut oleh beberapa orang penyelidik. Antara penyelidik tersebut ialah Johnson (1994). Johnson (1994) memberikan tiga kekuatan instrumen ini. Pertama, instrumen ini boleh melibatkan responden yang ramai. Kedua, instrumen ini memberikan peluang kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan tentang hubungan dan melakukan perbandingan dengan hasil yang diperolehi. Ketiga, fakta dan informasi yang dihasilkan oleh instrumen ini boleh menjalani penjadualan silang (*cross tabulate*) dengan penggunaan aplikasi statistik yang sesuai untuk mendapatkan dapatan yang pelbagai berdasarkan sesuatu kajian. Ary et al. (2018) pula berpendapat bahawa selain mempunyai ciri yang menyeluruh dan luas, penggunaan soal selidik dalam kajian mampu untuk menarik lebih ramai jumlah kumpulan sasaran untuk ikut serta.

Lindemann (2023) mengemukakan beberapa kelebihan menggunakan soal selidik dalam sesuatu kajian seperti yang berikut:

- a. Pengumpulan data berskala besar boleh dilakukan. Soal selidik ialah cara terbaik untuk mengumpulkan maklumat daripada ramai orang sekaligus.
- b. Jawapan standard yang diberikan dalam soal selidik merujuk kepada pilihan atau skala yang telah ditetapkan yang diberikan kepada responden untuk jawapan mereka. Pilihan ini direka bentuk dengan teliti dan dibentangkan dalam format yang konsisten untuk memastikan keseragaman dalam pengumpulan data. Format respons yang standard boleh mengambil pelbagai bentuk, termasuk soalan aneka pilihan, skala Likert atau skala penilaian. Dengan menawarkan pilihan respons

sebegini, soal selidik menyediakan rangka kerja berstruktur untuk responden memilih jawapan mereka. Ini membantu untuk menghapuskan kekaburan, memastikan konsistensi dan memudahkan analisis dan perbandingan respons yang lebih mudah. Respons yang standard membolehkan penyelidik mengukur dan mengkategorikan data secara kuantitatif, menjadikannya lebih mudah untuk mengenal pasti corak, arah aliran dan hubungan antara pembolehubah.

- c. Soal selidik ialah alat yang sesuai untuk pengumpulan data yang menjimatkan kos kerana keupayaannya untuk mencapai bilangan responden yang ramai dengan kos yang agak rendah.
- d. Kerahsiaan (*Anonymity and confidentiality*) adalah aspek penting dalam soal selidik yang memberikan beberapa faedah untuk kedua-dua responden dan penyelidik. Pertama, kerahsiaan memastikan bahawa responden boleh memberikan jawapan yang jujur dan tidak berat sebelah tanpa rasa takut akan kesan jawapan mereka. Apabila responden kekal tanpa nama, mereka lebih cenderung untuk menyatakan pendapat, perasaan dan pengalaman sebenar mereka, walaupun mengenai topik sensitif atau peribadi. Aspek memberikan nilai berangka kepada respons yang diberikan oleh responden boleh membantu penyelidik menganalisis data dengan lebih berkesan dan memperoleh cerapan yang bermakna. Dengan menukar respons kepada nombor, penyelidik boleh mengenal pasti corak dan trend dalam data.

Kelebihan menggunakan soal selidik yang diutarakan oleh [Lindemann \(2023\)](#) sejajar dengan pendapat [Picincu \(2018\)](#) tentang kelebihan alat kajian ini. Menurut [Picincu \(2018\)](#), soal selidik ialah cara yang mudah dan berkesan untuk mengumpulkan maklumat. Bergantung pada belanjawan, penyelidik boleh menyiarkannya di tapak web atau halaman media sosial, menghantarnya melalui e-mel atau bersemuka. Memandangkan semua responden ditanya soalan yang sama, penyelidik boleh membandingkan keputusan dengan mudah. Selain itu, penyelidik akan mendapat kadar respons yang tinggi, terutamanya jika penyelidik membenarkan responden memberikan respons tanpa memberikan nama atau identiti sebenar. Pendapat yang diutarakan oleh [Lindemann \(2023\)](#) dan [Picincu \(2018\)](#) menyokong pendapat [Mansor and Othman \(2011\)](#) yang mengatakan bahawa antara kelebihan penggunaan soal selidik dalam kajian adalah ia amat spesifik, mudah ditadbir dan komparatif. Penggunaan soal selidik dalam kajian ini adalah untuk memperoleh maklumat dan maklum balas yang spesifik. [Thomas \(2023\)](#) juga bersetuju bahawa soal selidik mempunyai beberapa kelebihan, iaitu penggunaannya boleh menjimatkan masa kerana data boleh dikumpulkan secara serentak daripada responden yang berbeza dan kerahsiaan identiti responden menggalakkan respons yang jujur daripada responden. Tambah beliau lagi, soal selidik boleh menjimatkan kos pengendalian khususnya jika dilakukan secara dalam talian dan ciri soal selidik yang serba guna (*versatility*) memberikan ruang kepada pelbagai jenis soalan untuk digunakan dan hal ini akan menghasilkan pengumpulan data yang lebih komprehensif.

### 3. Metod kajian

Dalam membangunkan soal selidik ini, penyelidik meneliti beberapa sampel soal selidik yang dibina oleh beberapa orang penyelidik. Antara sampel soal selidik yang dianalisis ialah soal selidik yang dibina oleh [Konting \(2000\)](#), [Ghafar \(2003\)](#), [Yahaya \(2009\)](#), [Bakar \(2011\)](#), [Abd Rahman \(2012\)](#), [Jaafar \(2015\)](#) serta [Suhaimi dan Shaffeei \(2019\)](#). Seterusnya, penyelidik merujuk kepada aspek konteks, aspek input dan aspek proses dalam Model Penilaian CIPP untuk menentukan perkara atau elemen yang hendak difokuskan atau ditanyakan dalam soal selidik yang akan dibina. Jumlah item juga ditentukan.

Berdasarkan beberapa panduan yang digarap daripada sampel yang dianalisis dan rujukan yang dilakukan terhadap tiga aspek dalam CIPP dan tujuan kajian dijalankan, penyelidik membina soal selidik dengan memberikan perhatian terhadap beberapa perkara berikut yang berkaitan dengan pembinaan soal selidik.

### 3.1. Memastikan Ciri-ciri Soal Selidik Sesuai

Semasa membina soalan soal selidik, penyelidik membuat beberapa pertimbangan. Antara pertimbangan tersebut ialah ciri-ciri soalan bagi soal selidik yang hendak dibangunkan. Penyelidik memastikan bahawa soal selidik yang dibina memenuhi ciri-ciri pembinaan soal selidik yang sesuai agar soal selidik yang dihasilkan bermutu. Oleh itu, penyelidik merujuk ciri-ciri yang disarankan oleh [Mansor dan Othman \(2011\)](#). Soal selidik yang dibina haruslah mengandungi ciri-ciri seperti mempunyai soalan yang relevan, mengandungi perkara pokok yang dihendak dikaji, pendek dan jelas. Seterusnya, soal selidik tersebut harus mengambil kira pengalaman responden yang akan terlibat. Soalan bagi soal selidik tidak seharusnya mempunyai pelbagai makna dan intepretasi yang berbeza oleh responden yang berbeza sehingga boleh menimbulkan kekeliruan atau mempunyai makna yang berbeza dengan tujuan dan kehendak soalan.

[Nguyen \(2024\)](#) menyarankan proses yang hampir serupa dengan yang diajukan oleh [Mansor dan Othman \(2011\)](#). Nguen mengatakan untuk menghasilkan soal selidik yang baik dalam penyelidikan, perkara-perkara berikut boleh dilakukan:

- Menentukan maklumat yang hendak didapatkan daripada soal selidik ini dan menentukan populasi sasaran.
- Membangunkan soalan berdasarkan objektif yang telah dikenal pasti. Reka bentuk dan reka letak visual hendaklah bersih dan mudah diikuti secara berurutan. Soalan yang telah dibangunkan. Hendaklah disemak, disusun dan diperhalus.
- Menjalankan uji cuba terlebih dahulu dengan beberapa sampel. Hal ini penting untuk memastikan kelebihan dan kekurangan soal selidik ini agar dapat diperbaiki sebelum soal selidik ini dilancarkan sepenuhnya.
- Menentukan cara untuk mentadbir soal selidik dengan cara yang terbaik. Berdasarkan sampel sasaran yang dipilih, cara pengedaran yang paling baik boleh ditentukan seperti menerusi e-mel, dalam talian, mel pos, secara semuka dan sebagainya. Menghantar mesej peringatan sebagai susulan penting untuk meningkatkan kadar respons, terutamanya untuk tinjauan menerusi e-mel atau dalam talian.

Oleh itu semasa membina soal selidik, kesemua ciri yang berkaitan dengan pembinaannya perlulah diberikan perhatian dengan teliti termasuk aspek kerahsiaan yang boleh memberikan manfaat kepada kedua-dua penyelidik dan responden. Langkah ini akan membolehkan soal selidik yang dihasilkan bukan sahaja bermutu tetapi juga dapat mengumpulkan maklumat yang diperlukan dalam sesuatu kajian yang dijalankan.

### 3.2. Memilih Reka Bentuk Soal Selidik

Satu lagi aspek yang memerlukan perhatian ialah reka bentuk soal selidik. Biasanya soal selidik mempunyai dua jenis, iaitu soal selidik jenis tertutup dan soal selidik jenis terbuka. Penyelidik haruslah memilih jenis soal selidik yang bersesuaian untuk kajian yang dijalankannya.

### 3.2.1. Soal Selidik Jenis Tertutup

Bagi soalan ini, responden memilih jawapan mengikut pandangan mereka. Jawapan-jawapan tertentu bagi soalan ini telah disiapkan lebih awal. Responden akan memilih jawapan yang difikirkan paling sesuai dengan perkara yang ditanyakan. Beberapa jenis skala boleh dipilih untuk digunakan dalam pengukuran bagi soal selidik yang berbentuk seperti ini:

- i. Dichotomus - skala ini mengandungi dua pilihan 'Tidak', 'Benar/Salah', 'Ada/Tiada', 'Setuju/ Tidak Setuju'
- ii. Susunan Mengikut Keutamaan (*Rank Order*)

Penggunaan skala mengikut keutamaan ini bertujuan untuk memperoleh penilaian responden kepada semua aspek yang terdapat dalam soal selidik. Pemberat akan diberikan untuk mengukur penilaian mereka. Susunan aspek ini mengikut keutamaan, iaitu didahului oleh nombor yang menunjukkan nombor peringkat tertinggi dan diikuti dengan nombor terakhir yang menunjukkan peringkat paling rendah. Skala Likert - skala ini mengandungi pernyataan yang menunjukkan tahap persetujuan, iaitu dalam bentuk skala 'Sangat Tidak Setuju', 'Tidak Setuju', 'Tidak Pasti', 'Setuju' dan 'Sangat Setuju'.

Dalam pembinaan soal selidik ini, penyelidik memilih Skala Likert Lima Mata. Penyelidik mengambil kira pandangan responden di samping memudahkan mereka menandakan pilihan jawapan yang disediakan dengan tepat tanpa sebarang kekeliruan. Menurut [Cohen et al. \(2011\)](#), skala ini sesuai digunakan untuk mengukur maklum balas yang diberikan oleh responden dalam keadaan yang berterusan tentang sesuatu amalan, persepsi dan sikap. Skala ini juga digunakan berdasarkan tanggapan penyelidik bahawa setiap responden telah biasa atau berpengalaman memberikan respons kepada soal selidik lain menggunakan Skala Likert Lima Mata.

Kebiasaannya, terdapat satu bahagian dalam soal selidik tentang informasi demografi responden. Berdasarkan informasi ini analisis boleh dibuat dengan lebih terperinci seperti berdasarkan jantina pelajar, peringkat sosioekonomi pelajar, bahasa yang digunakan di rumah dan sebagainya. Dengan adanya ciri-ciri soal selidik seperti yang dinyatakan di atas, ianya dapat mengumpulkan maklumat responden dengan baik dan berkesan bagi menghasilkan sesuatu kajian.

### 3.2.2. Soal Selidik Jenis Terbuka

Instrumen bentuk ini memberikan kebebasan kepada responden dalam menyatakan pandangan mengenai sesuatu isu. Analisisnya bertujuan untuk mengenal pasti maklumat yang penting, mengklasifikasikan maklumat untuk dihuraikan dan membuat interpretasi serta kesimpulan. Contoh- contoh soalan bagi soal selidik jenis terbuka adalah seperti berikut:

- i. Pernahkah anda menghadapi masalah untuk mempelajari kemahiran interaksi pertuturan? Jika jawapan anda 'Ya', sila, nyatakan masalah yang kamu alami itu; dan berikan sebab-sebabnya. (untuk pelajar)
- ii. Pada pendapat anda, bagaimanakah pihak sekolah dapat membantu para pelajar agar mereka berupaya meningkatkan kemahiran interaksi pertuturan dengan baik? (untuk pelajar)
- iii. Apakah keprihatinan (jika ada) yang anda hadapi dalam melaksanakan kemahiran interaksi pertuturan di bilik darjah? Sarankan cara/langkah yang boleh diambil untuk mengatasi keprihatinan ini. (untuk guru)

Mengenai soalan terbuka ini, [Oppenheim \(1992\)](#) berpendapat bahawa para responden diberikan kebebasan untuk menjawab soalan tanpa merujuk kepada set jawapan yang telah diberikan. Kelebihan menggunakan soalan terbuka ini juga dikemukakan oleh [Kuhn \(2020\)](#) yang berpendapat bahawa selain memberikan peluang kepada responden untuk memberitahu perasaan sebenar mereka, dengan menggunakan soalan terbuka penyelidik dapat mengumpulkan pendapat dan pemikiran daripada responden, menawarkan maklumat yang lebih mendalam dan lebih teliti. Menurut beliau lagi, soalan terbuka menawarkan responden peluang untuk memberikan pelbagai jawapan dan membolehkan penyelidik mendapatkan punca sebenar sesuatu isu atau perkara yang sedang dikaji.

### 3.3. Mengenal pasti dan Menentukan Populasi, Sampel dan Pensampelan Kajian

Langkah seterusnya adalah menentukan populasi, sampel dan pensampelan kajian. Penentuan populasi dan saiz sampel yang sesuai digunakan dalam kajian ialah langkah penting dalam reka bentuk kajian. Menurut [Yahya et al. \(2007\)](#), populasi kajian merupakan jumlah sasaran yang mewakili keseluruhan kumpulan manusia, objek mahupun peristiwa. Secara umum, populasi ini mempunyai beberapa persamaan dan mestilah didefinisikan secara spesifik. Oleh itu dalam sesebuah kajian, populasi kajian bermaksud sejumlah manusia yang mewakili kumpulan manusia yang lebih besar. Kumpulan ini mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu sama lain. Contohnya, semua responden guru yang dipilih seharusnya mengajar subjek yang sama seperti Bahasa Melayu sama ada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah yang telah dikenal pasti terlebih dahulu. Guru-guru ini juga menggunakan bahan-bahan pengajaran yang sama. Pelajar yang dipilih menjadi responden haruslah dari peringkat persekolahan yang sama dan juga mengambil subjek yang sama.

Menurut [Konting \(2005\)](#) mengenal pasti populasi merupakan satu prosedur yang amat penting dalam sesuatu kajian. Hal ini disebabkan pengenalanpastian itu akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji. [Chua \(2006\)](#) juga berpendapat bahawa pensampelan kajian amat penting kerana penggunaan sampel yang kurang tepat akan membawa kesan terhadap kajian yang dijalankan dan hal ini boleh menjejaskan kebolehpercayaan dan kesahan sesebuah kajian yang dijalankan. [Pannell \(2023\)](#) juga bersetuju bahawa menentukan sampel kajian yang sesuai penting. Menurut beliau, pemilihan saiz sampel yang sesuai adalah penting, kerana ia memberikan kesan secara langsung kepada ketepatan hasil kajian, termasuk kos yang berkaitan dengan sesuatu projek untuk memastikan bahawa hasil kajian yang dijalankan tentang projek itu boleh dilaksanakan. Pentingnya menentukan saiz sampel yang sesuai juga dipersetujui oleh [Fitzpatrick et al. \(2022\)](#) yang memberikan sebab-sebab saiz sampel penting. Menurut mereka, dua faktor utama yang mempengaruhi kuasa kajian ialah saiz sampel dan saiz kesan. Kajian yang mempunyai saiz sampel yang terlalu kecil mungkin menghasilkan keputusan yang tidak meyakinkan dan juga boleh dianggap tidak beretika dengan mendedahkan subjek kepada risiko yang tidak perlu. Sebaliknya, kajian yang terlalu besar akan membazirkan sumber yang terhad dan boleh mendedahkan lebih ramai peserta daripada yang diperlukan kepada sebarang risiko yang berkaitan.

Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan jumlah sampel yang digunakan dalam sesebuah kajian. Contohnya, [Maaruf \(2014\)](#) memilih seramai 184 orang murid sebagai sampel kajian yang dijalankannya tentang 'Pembangunan Modul Pedagogi Responsif Budaya Kraf Tradisional Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah'. [Akpur et al. \(2016\)](#) pula menjalankan kajian dengan melibatkan seramai 54 orang guru dan 753

pelajar yang menghadiri kelas persediaan bagi Tahun Akademi 2014-2015. Kajian yang dijalankan oleh [Abdul Ghani dan Wan Daud \(2018\)](#) melibatkan seramai 80 orang pelajar yang mengambil kursus Diploma Bahasa Arab dalam pendidikan awal kanak-kanak di Kolej Poly-Tech MARA. [Kaviza \(2019\)](#) pula telah melibatkan sejumlah 92 orang guru sejarah dalam fasa analisis keperluan.

Untuk kajian yang dijalankan ini, penyelidik mengambil kira pandangan beberapa orang penyelidik. Antaranya ialah [Gay \(1992\)](#) yang mencadangkan agar saiz sampel dipilih berdasarkan sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada jumlah populasi keseluruhan. Bolehlah dirumuskan bahawa sememangnya terdapat kepelbagaian atau perbezaan dalam menentukan jumlah pensampelan bagi pelbagai kajian yang dijalankan oleh para penyelidik dan jumlah pensampelan ini ditentukan berdasarkan kehendak, keperluan dan populasi kajian.

### **3.4. Memastikan Langkah Pembinaan Soal Selidik**

Dalam pembinaan soal selidik, beberapa langkah atau proses tertentu haruslah dilakukan agar pembinaan ini lancar dan menepati tujuan pembinaannya. Penyelidik merujuk kepada enam langkah yang disarankan oleh [Mansor dan Othman \(2011\)](#) dalam membangunkan instrumen soal selidik kajian. Enam langkah tersebut adalah menentukan soalan kajian yang akan dibangunkan; menyenaraikan semua subsoalan berdasarkan perkara yang hendak dikaji – konstruk; membina draf soalan-soalan lebih awal; menyusun item-item yang dibina mengikut urutan yang wajar; membina soal selidik; dan menyemak kesahan soalan atau item yang dibina.

Kesimpulannya, pembinaan borang soal selidik harus melalui beberapa langkah atau proses agar pembinaannya lancar dan dapat menghasilkan soal selidik yang bermutu seperti yang diharapkan. Seterusnya, borang soal selidik yang telah siap perlu diajukan kepada beberapa orang pakar yang dilantik untuk meneliti dan mensahkan dan disahkan. Soal selidik yang dibina. Setelah itu, pengemaskinian borang selidik dilakukan berdasarkan input daripada pakar-pakar ini sebelum soal selidik dilancarkan.

### **3.5. Meminta Kebenaran Pihak Kementerian dan Pengurusan Sekolah**

Dalam menjalankan kajian, amatlah penting untuk memberikan perhatian terhadap aspek etika. Penyelidik perlu meminta kebenaran daripada pihak kementerian, pengurusan sekolah atau pihak-pihak tertentu untuk mengumpulkan maklumat daripada responden. Setelah mendapat kebenaran, borang soal selidik boleh diedarkan atau diberikan kepada responden melalui cara mentadbir yang telah ditentukan. Penyelidik perlu memberitahu responden cara mentadbir yang dipilih dan bagaimana respons mereka akan dikumpulkan. Penyelidik boleh juga memberitahu bahawa responden boleh menghubungi penyelidik sekiranya mereka ingin mendapatkan penerangan lanjut tentang borang soal selidik kajian. Jangka masa untuk menjalankan soal selidik juga harus dinyatakan dengan jelas kepada responden agar masa pentadbiran ini dapat dikawal dan memenuhi perancangan atau jadual yang telah ditetapkan lebih awal oleh penyelidik. Proses pembinaan dan pelaksanaan soal selidik ini boleh digambarkan dalam [Rajah 1](#).

Rajah 1: Proses Pembinaan dan Pentadbiran Borang Soal Selidik Kemahiran Interaksi Pertuturan Bahasa Melayu (SSKIPBM)



## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Soal Selidik Yang Dibangunkan Berdasarkan Model Penilaian CIPP

Dalam pembinaan soal selidik ini, selain maklumat yang diperolehi daripada analisis sampel soal selidik dan tujuan kajian, penyelidik merujuk kepada tiga aspek dalam Model Penilaian CIPP untuk menentukan elemen dan jumlah item bagi ketiga-tiga aspek, iaitu aspek konteks, aspek input dan aspek proses. Aspek konteks merujuk kepada keperluan-keperluan yang ditangani oleh sesuatu program dan program yang sedia ada yang membantu dalam mentafsirkan objektif program berkenaan.

Penilaian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan antara tujuan atau objektif asal kurikulum itu dengan apa yang sebenarnya dijalankan. Penilaian input pula bertujuan untuk mengenal pasti sumber yang ada dalam proses pelaksanaan kurikulum seperti buku teks, strategi, latihan guru, alternatif program yang boleh dipertimbangkan dan perancangan.

Penilaian proses pula memberikan tumpuan pada pelaksanaan, kaedah pengajaran yang dapat membantu para guru melaksanakan aktiviti termasuklah interaksi antara guru dengan pelajar semasa pengajaran atau pembelajaran berlaku, penglibatan guru dalam pengajaran dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan perkara lain yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran. Penilaian ini juga diharapkan dapat membantu kumpulan yang lebih besar menilai prestasi program dan menginterpretasikan hasil. Penilaian proses menyiasat kualiti pelaksanaan program. [Jadual 1](#) dan [Jadual 2](#) berikut menunjukkan elemen dan jumlah item yang dibina oleh penyelidik berdasarkan tiga aspek penilaian Model Penilaian CIPP.

Jadual 1: Komponen Penilaian CIPP dan Bilangan Item dalam Soal Selidik Guru

Aspek	Elemen	Bilangan Item
Demografi	Latar belakang pendidikan	8
	Umur	
	Jantina	
	Pengalaman mengajar Subjek Bahasa Melayu	
Konteks	Latihan/kursus yang dihadiri	8
	Jumlah kelas Bahasa Melayu yang diajar	
	Kerelevanan objektif kemahiran interaksi pertuturan	
	Persepsi guru terhadap pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan	
Penilaian Input	Penilaian sendiri kemahiran interaksi pertuturan guru	15
	Peruntukan masa pengajaran	
	Perancangan yang teliti	
	Persekitaran	
Penilaian Proses	Bahan pengajaran	10
	Aktiviti Pengajaran	
	Latihan guru	
	Aktiviti sokongan	
Soalan Terbuka	Strategi pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan	2
	Teknik pengajaran	
	Penekanan pengajaran	
	Penggunaan bahan bantu mengajar	
Jumlah	Aktiviti pengajaran	43
	Teknik penilaian	
	Keprihatinan dalam melaksanakan kemahiran interaksi pertuturan di sekolah dan saranan mengatasinya	
	Peranan lebih aktif yang boleh dilakukan oleh pihak berkepentingan	

Jadual 2: Komponen Penilaian CIPP dan Bilangan Item dalam Soal Selidik Pelajar

Aspek	Elemen	Bilangan
Demografi	Jantina	5
	Pencapaian pelajar dalam ujian lisan dalam Bahasa Melayu di peringkat menengah 1 dan Menengah 2	
	Bahasa yang digunakan dalam komunikasi dengan ahli keluarga dan kawan-kawan di sekolah	
Konteks	Kekerapan mereka bertutur dalam Bahasa Melayu dengan keluarga dan kawan-kawan serta guru di sekolah	6
	Penilaian sendiri Interaksi Pertuturan Pelajar	
Penilaian Input	Peruntukan masa pengajaran	8
	Kandungan/Aktiviti Kemahiran interaksi pertuturan	
Penilaian Proses	Bahan bantu mengajar	11
	Strategi pelaksanaan interaksi pertuturan	

	Teknik pengajaran	
	Penekanan pengajaran	
	Penggunaan bahan bantu mengajar	
	Aktiviti pengajaran	
	Teknik penilaian	
Soalan Terbuka	Masalah Pembelajaran dalam kemahiran interaksi pertuturan	2
	Bantuan yang boleh diberikan oleh sekolah dalam embelajaran kemahiran interaksi pertuturan	
Jumlah		32

## 5. Kesimpulan

Pembinaan soal selidik memerlukan perhatian yang teliti tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pembinaannya. Pembinaan ini juga memerlukan tenaga dan masa kerana terdapat banyak perkara yang perlu dipertimbangkan, ditentukan dan dilakukan. Oleh itu, perancangan yang teliti amat penting agar proses pembinaannya lancar, menepati jangka waktu dan memenuhi matlamat penyelidikan yang diinginkan.

Pembangunan SSKIPBM yang berasaskan Model Penilaian CIPP ini menyumbang item-item baharu dalam soal selidik bagi kemahiran bertutur yang dikembangkan kepada kemahiran interaksi pertuturan. Sebagai alat kajian, SSKIPBM berupaya mengukur keberkesanan perlaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang dilaksanakan dengan lebih terperinci.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Tidak berkenaan.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Ucapan terima kasih kepada para pengetua sekolah-sekolah menengah, responden guru dan pelajar yang terlibat dan telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak. Namun penerbitan artikel ini mendapat sokongan kewangan daripada pihak UPSI.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan berkenaan penyelidikan dan penerbitan kajian ini.

## Rujukan

Abd Rahman, G. Y. (2012). *Penilaian kemahiran lisan dalam kurikulum bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM)* (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdul Ghani, M. T., & Wan Daud, W. A. A. (2018). *Bahasa Arab untuk pendidikan awal kanak-kanak: Satu kajian analisis keperluan* [Arabic for early childhood education: A need analysis study]. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 7, 70–82. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol7.7.2018>
- Akpur, U., Alci, B., & Karataş, H. (2016). Evaluation of the curriculum of English preparatory classes at Yıldız Technical University using the CIPP model. *Educational Research and Reviews*, 11(7), 466–473. <https://doi.org/10.5897/ERR2016.2638>
- Alghail, A. A. A., & Mahfoodh, O. H. A. (2019). Academic oral communication difficulties encountered by Yemeni postgraduate students in a Malaysian university. *Issues in Educational Research*, 29(2), 301–315.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C., & Razavieh, A. (2018). *Introduction to research in education* (9th ed.). Cengage.
- Bakar, M. N. A. (2011). *Penilaian program mata pelajaran vokasional (MPV) bagi bidang pertanian di sekolah menengah harian di Semenanjung Malaysia* (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. Foreign Language Teaching and Research Press.
- Bruner, J. (1999). *The culture of education*. Harvard University Press.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas statistik penyelidikan*. McGraw-Hill.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research methods in education* (7th ed.). Routledge.
- Efrizal, D. (2011). Improving students' speaking through communicative language. *Sentot Ali Basa Islamic Boarding School of Journal of Humanities and Social Science, Teaching Method at Mts Ja-Alhaq, Bengkulu, Indonesia*, 2(20), 127–134.
- Ellis, R. (2009). The differential effects of three types of planning on fluency, complexity, and accuracy in L2 oral production. *Applied Linguistics*, 30(4), 474–509. <https://doi.org/10.1093/applin/amp045>
- Fitzpatrick, J., Sanders, J., & Worthen, B. (2011). *Program evaluation: Alternative approaches and practical guidelines* (4th ed.). Allyn & Bacon. Pearson.
- Fries, P. H. (1983). On the status of theme in English: Arguments from discourse. In J. S. Petofi & E. Sozer (Eds.), *Micro & macro connexity of discourse* (pp. 116–152). Buske.
- Gass, S., Mackey, A., & Ross-Feldman, L. (2005). Task-based interactions in classroom and laboratory settings. *Language Learning*, 55(4), 575–611. <https://doi.org/10.1111/j.0023-8333.2005.00317.x>
- Gay, L. R. (1992). *Educational research: Competencies for analysis and application* (4th ed.). Maxwell Macmillan International Edition.
- Ghafar, M. N. A. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Gilakjani, A. P., & Sabouri, N. (2016). How can students improve their reading comprehension skill? *Journal of Studies in Education*, 6(2), 229. <https://doi.org/10.5296/jse.v6i2.9201>
- Hedge, T. (2000). *Teaching and learning in the language classroom*. Oxford University Press.
- Hughes, A. (2003). *Testing for language teachers* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw-Hill Education.
- Jaafar, A. (2015). *Penilaian pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam sekolah menengah berasaskan model context-input-process-product (CIPP)* (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Utara Malaysia.
- Johnson, D. (1994). *Research methods in educational management*. Longman.

- Kaviza, M. (2019b). Hubungan antara gaya pembelajaran dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah: Satu kajian tinjauan korelasi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(3), 93–106.
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan* (7th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuhn, G. (2020). The pros and cons of open-ended questions and closed-ended questions. *Drive Research*. <https://www.driveresearch.com/market-research-company-blog/the-pros-and-cons-of-open-ended-questions-and-closed-ended-questions/>
- Leong, L. M., & Ahmadi, S. M. (2017). An analysis of factors influencing learners' English speaking skill. *International Journal of Research in English Education*, 2(1), 34–41. <https://doi.org/10.18869/acadpub.ijree.2.1.34>
- Lindemann, N. (2023). 12 advantages and disadvantages of questionnaires. *Pointer Pro*. <https://pointerpro.com/blog/questionnaire-pros-and-cons/>
- Long, M. (1996). The role of the linguistic environment in second language acquisition. In *Handbook of second language acquisition* (pp. 413–468). Academic Press.
- Maaruf, S. Z. (2014). *Pembangunan modul pedagogi responsif budaya kraf tradisional pendidikan seni visual sekolah menengah* (Unpublished doctoral dissertation). University Malaya.
- Mansor, M., & Othman, N. (2011). Consulting-based entrepreneurship education in Malaysian higher education institutions. In *2011 International Conference on Social Science and Humanity* (Vol. 5, pp. 351–355). Singapore.
- McLeod, S. (2023). Questionnaire: Definition, examples, design, and types. *Scribbr*. <https://www.scribbr.com/methodology/interviews-research/>
- Mercer, N., Dawes, L., Wegerif, R., & Sams, C. (2004). Reasoning as a scientist: Ways of helping children to use language to learn science. *British Educational Research Journal*, 30(3), 359–377. <https://doi.org/10.1080/01411920410001689689>
- Ministry of Education (MOE). (2010). *Laporan Jawatankasa Semakan Bahasa Ibunda – Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap*. Kementerian Pendidikan Singapura
- Morales, A. A. T., López, L. A. D., & Henrriquez Valdez, M. (2017). *Analysis of factors that affect the oral communication of students from the third-year afternoon shift, at the Miguel de Cervantes High School, in Managua during the second semester 2017 graduation seminar*. Facultad de Educación e Idiomas Departamento de Inglés. <https://core.ac.uk/download/pdf/154178304.pdf>
- Nguyen, L. (2024). Cara reka bentuk soal selidik: 7 strategi utama untuk merekabentuk tinjauan berkuasa. *AhaSlides*. <https://ahaslides.com/ms/blog/how-to-design-questionnaires/>
- Oppenheim, A. N. (1992). *Questionnaire design, interviewing and attitude measurement* (New ed.). Pinter Publishers.
- Pannell, R. (2023). The importance of identifying the right sample size for business improvement. *LEANSCAPE*. <https://leanscape.io/the-importance-of-identifying-the-right-sample-size-for-business-improvement/>
- Picincu, A. (2018). The advantages of using a questionnaire. *Bizfluent*. <https://bizfluent.com/info-8206848-advantages-using-questionnaire.html>
- Raja, F. U. (2013). Spoken communication skills taught at English language institutes as a second language. *Federal Urdu University of Arts, Science and Technology*. [https://www.researchgate.net/institution/Federal\\_Urdu\\_University\\_of\\_Arts\\_Science\\_and\\_Technology](https://www.researchgate.net/institution/Federal_Urdu_University_of_Arts_Science_and_Technology)
- Suhaimi, Z. I., & Shaffeei, K. (2023). Keberkesanan pelaksanaan kurikulum pengurusan diri sekolah rendah berasaskan model penilaian konteks, input, proses dan produk (KIPP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2).

- Thomas, R. (2023). How to design effective research questionnaires for robust findings. *Enago Academy*. <https://www.enago.com/academy/research-questionnaires/>
- Ur, P. (2000). *A course in language teaching: Practice and theory*. Cambridge University Press.
- Yahaya, A. (2009). Penggunaan model KIPP dalam penilaian mata pelajaran kemahiran hidup di sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20(10), 73–78.
- Yahya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y., & Hamdan, A. R. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.